

Peraturan Penjalanan Pilihanraya utk PSC
Cadangan-Cadangan PAS Untuk JK Pilihan Khas Parlimen untuk Penambahbaikan Proses
Pilihanraya

Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981

1. Per. 4(3) - berkaitan borang penamaan yang perlu diisi dan dikemukakan dalam 3 salinan. Undang-undang harus jelas samada wajib mandatori bagi calon untuk mengisi dan mengemukakan 3 salinan atau hanya perlu 1 salinan sahaja sepertimana yang diputuskan dalam kes Petisyen Mohd Khairudin vs Rafidah Aziz (2008). Dalam kes itu, Rafidah Aziz hanya menandatangani 1 salinan Borang Penamaan sahaja. Tetapi, Mahkamah menyatakan keperluan menghantar 3 salinan Borang Penamaan adalah tidak mandatori.

2. Per. 5(1) - Deposit calon - Parlimen sebanyak RM10 ribu; DUN sebanyak RM5000. Isu - samada jumlah deposit calon ini perlu dikurangkan? Malaysia adalah antara yang tertinggi. Cadangan dikurangkan kepada RM5000 kepada Parlimen; Dun - RM3000.

3. Per. 7 (5) - Adalah tidak praktikal untuk membawa petisyen pilihanraya di bawah s. 32(b) AKP atas alasan mana-mana orang terkilan dengan keputusan bantahan yang dibuat ke atas pegawai pengurus disebabkan pegawai pengurus tidak menerima bantahannya. Ini kerana adalah mustahil boleh dibuktikan perbuatan pegawai pengurus itu akan menjejaskan keputusan pilihan raya. Oleh itu, peraturan ini perlu dipinda supaya proses bantahan ini tidak menjadi sia-sia.

4. Per. 12 - setiap nama yang dicadangkan untuk dilantik sebagai Ketua Tempat Mengundi perlu dipamerkan dan diumumkan kepada orang ramai sebelum perlantikan dibuat dan orang ramai boleh atas sebab tertentu khususnya jika KTM ini terlibat secara langsung dengan mana-mana parti politik, mengemukakan bantahan mereka kepada pegawai pengurus.

5. Per. 12A - Setiap nama yang dicadangkan untuk dilantik sebagai pegawai/kakitangan pilihan raya perlu dipamerkan dan diumumkan kepada orang ramai sebelum perlantikan dibuat dan orang ramai boleh atas sebab tertentu khususnya jika pegawai/kakitangan ini terlibat secara langsung dengan mana-mana parti politik, mengemukakan bantahan mereka kepada pegawai pengurus.

6. Per. 15 - perlu dipinda untuk mewajibkan setiap pengundi mendapatkan slip pengesahan di Barong SPR sebelum dibenarkan masuk ke tempat mengundi. Tindakan ini boleh meminimalkan kesalahan penyamaran dan kesalahan merayu undi di dalam tempat yang tidak dibenarkan.

7. Per. 19(3) - perlu dipinda iaitu dimasukkan tatacara menindik yang mana hendaklah ditindik di atas kertas undi dan kaunterfoil bersama supaya jika berlaku sebarang pemalsuan tindik ianya dapat dikenalpasti dengan lebih mudah.

8. Per. 19(3A) - perlu dimasukkan peraturan baru yang mewajibkan pengundi celup jari dalam dakwat hitam selepas menerima kertas undi

9. Per. 25E - Proses pelupusan kertas undi dan lain-lain dokumen berkaitan pengundian hendaklah dibuat di hadapan calon atau wakil calon yang bertanding.

Undang2 Perjalanan Pilihanraya

Cadangan-Cadangan PAS Untuk JK Pilihan Khas Parlimen Untuk Penambahbaikan Proses Pilihan Raya

UNDANG-UNDANG DAN PERJALANAN PILIHANRAYA

Masalah :-

1. Tarikh pembubaran pilihanraya yang tidak ada ketetapan dan bergantung sepenuhnya kpd budi bicara PM. Tarikh pilihan raya sepatutnya telah ditetapkan secara lebih awal dan dimaklumkan kepada semua pihak.
2. Kuasa SPR adalah terbatas kepada perjalanan praya berkaitan penamaan, pengundian. SPR perlu diberikan kuasa pengurusan pilihanraya termasuk urusan pengeluaran permit ceramah, poster. SPR kena menjadi one stop centre.
3. SPR hendaklah diberi kuasa utk membuat penyiasatan dan pendakwaan atas apa-apa kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya.
4. SPR tidak harus mengambil kuasa daripada Speaker Dewan apabila dimaklumkan berlaku apa-apa kekosongan luar jangka atas mana-mana kerusi Dun atau Parlimen. Kuasa SPR dalam urusan ini adalah bersifat administratif semata-mata.
5. Meminda PPP untuk membolehkan penggunaan dakwat kekal sebelum penguangan undi.
6. Pasukan Penguatkuasa di bawah s. 27A AKP berfungsi hanya sekadar pemantau tanpa kuasa yang jelas contohnya, jika dilanggar arahan tiada penalti dikenakan.
7. Berkaitan pelanggaran peraturan pilihan raya, pindaan harus dibuat kepada AKP untuk memasukkan prinsip yang telah diputuskan oleh Lord Denning di dalam kes Morgan vs Simpson.
8. Tempoh kempen perlu ditetapkan sekurang-kurangnya 21hari dari tarikh penamaan calon. dan bukan lagi mengikut budi bicara SPR.
9. Setiap parti politik hendaklah diberikan akses yang adil kepada penggunaan media khususnya media milik kerajaan. Setiap parti politik hendaklah diberikan masa dan tempat yang sama bagi siaran media. Pembahagian tempoh masa dan tempat siaran media ini hendaklah tidak bersifat diskriminasi antara parti politik.
10. Perdana Menteri, Menteri atau Menteri Besar dan sesiapa yang berkuasa hendaklah terhenti kuasanya sebaik sahaja parlimen/DUN dibubarkan dan mereka tidak boleh menggunakan apa jua kemudahan kerajaan bagi tujuan atau maksud berkempen.
11. Semua agensi kerajaan tidak boleh turun berkempen di dalam mana-mana pilihanraya.
12. Care taker government hendaklah berfungsi terhad kepada pentadbiran harian (day to day affair).
13. Hak untuk berhimpun secara aman, tanpa perlu memohon permit polis sepanjang tempoh kempen dengan syarat perhimpunan tersebut adalah aman dan tidak menjejaskan keselamatan awam. memastikan perhimpunan itu adalah aman adalah ke atas penganjur.
14. Pemerhati barong yang dilantik calon hendaklah dibenarkan untuk dinamakan sehingga sejumlah 12 orang tetapi untuk setiap masa jumlah pemerhati barong hendaklah tidak lebih daripada 3 orang - S. 26A

Undang2 Perjalanan Pilihanraya

(2) AKP

15. Pendaftaran sebagai pemilih secara automatik apabila mencecah usia 21 tahun
16. Proses persempadanan semula pilihan raya hendaklah telus dan mendapat konsultasi dan pandangan semua parti politik.
17. Senarai petugas pilihanraya yang telah dimuktamadkan hendaklah dipamerkan untuk menerima apa-apa bantahan daripada parti politik yang bertanding dan supaya dapat menjaga dan membina imej SPR. Ini kerana ada di antara petugas pilihanraya yang dilantik adalah memegang jawatan di dalam parti politik.

Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954

1. S. 2 - menjelaskan maksud 'tempoh berkempen' bahawa aktiviti merayu-rayu atau memujuk orang untuk mengundi di bawah s. 26(1)(e)(iii) adalah tidak bermaksud kempen.
2. S. 4A - hendaklah dibatalkan kerana bercanggah dengan prinsip pilihan raya yang bebas dan adil. Seksyen ini menyekat seseorang calon untuk berkempen. Seksyen ini juga tidak pernah digunakan di dalam mana-mana pendakwaan sepanjang tempoh seksyen ini diwujudkan semenjak tahun 2003.
3. S. 6(4) - SPR perlu diberikan kuasa pendakwaan sepenuhnya tanpa perlu menunggu sanksi Pendakwa Raya atau Pendakwa Raya diletakkan di SPR dan diberikan kuasa sepenuhnya untuk memulakan sebarang pendakwaan.
4. Bahagian III - pindaan menyeluruh kepada s. 7, 8, 9, 10 dan 11 hendaklah dibuat kerana peruntukan tersebut adalah tidak jelas. Contohnya, kesalahan di bawah s. 8 (Penjamuan) adalah berbelit dan susah difahami. S. 9(2) - juga sangat prejudis kepada PAS dan sangat mala fide. Adalah tidak munasabah mewujudkan seksyen tersebut untuk menyatakan bahawa hak pemilihan seseorang terganggu apabila dikatakan beliau akan dimurkai Tuhan. S. 11(1)(c) - tidak munasabah calon dihukum kerana tiada alamat dan nama pencetak di poster atau iklan atau alatan sebaran.
5. S. 24A - hendaklah dikaji semula dengan membenarkan penggunaan sistem pembesar suara kerana alat tersebut diperlukan untuk pengarah kepada jentera parti politik bertanding.
6. S. 24B - hendaklah dikaji semula kerana:
 - i) S. 24B(3) - Permit polis seharusnya tidak diperlukan dan maklumat tentang ceramah hanya perlu dibuat kepada SPR sahaja. Pihak SPR jika keadaan memerlukan boleh memanjangkan maklumat itu kepada pihak polis.
 - ii) S.24B(4) - deposit bahan kempen hendaklah dihapuskan.
7. S. 26 (1)(e) - jarak 50 meter dipinda kepada 500 meter. Tujuan jumlah jarak ini diubah adalah untuk mengurangkan ketegangan semasa hari pembuangan undi. Jarak yang jauh ini akan meminimalkan aktiviti merayu undi pada hari pengundian. Sub-seksyen ini hendaklah dikekalkan kerana jika dibuang terus maka kesannya bahawa calon-calon boleh membuat aktiviti yang dinyatakan di dalam sub-seksyen ini tanpa had.
8. S. 26A(2) - jumlah ejen pilihanraya yang dilantik oleh seseorang calon sebagai pemerhati barong hendaklah tidak lebih 12 orang.

Undang2 Perjalanan Pilihanraya

S. 26A(3) - pada setiap tempoh 2 jam itu, tidak lebih 3 orang pemerhati barong bagi setiap calon dibenarkan berada di barong tersebut. SPR wajib menyediakan fasiliti yang mencukupi bagi pemerhati barong seperti petugas paca. Pengundi juga perlu diwajibkan untuk mengambil slip SPR sebelum masuk ke dalam bilik mengundi

9. S. 27(2) - SPR perlu diberikan kuasa pendakwaan sepenuhnya tanpa perlu menunggu sanksi Pendakwa Raya atau Pendakwa Raya diletakkan di SPR dan diberikan kuasa sepenuhnya untuk memulakan sebarang pendakwaan.

10. Bahagian IVA - peruntukan baru hendaklah dimasukkan untuk memberikan penalti atau hukuman kepada sesiapa yang engkar kepada arahan pasukan penguat kuasa. S. 27C(1)(d) - wakil parti boleh dilantik seramai mungkin tetapi yang berkhidmat pada satu-satu masa hanya seorang sahaja. Tujuannya adalah untuk menyelesaikan masalah wakil parti yang terpaksa berkerja pada siang atau malam hari.

11. S. 32 -

i) frasa 'menyentuh keputusan pilihan raya' dalam perenggan (a) dan (b) hendaklah ditafsirkan mengikut prinsip di dalam kes Morgan vs Simpson dan bukan seperti tafsiran yang digunakan di dalam kes Ismail Kamus vs Pegawai Pengurus Pilihan Raya.

ii) pindaan harus dibuat untuk memasukkan kesalahan yang dibuat oleh mana-mana parti politik atau agen calon berkenaan juga boleh menyebabkan pembatalan pemilihan atas petisyen pilihan raya.

iii) prosedur bagi membuat petisyen pilihan raya adalah sangat rumit dan kompleks. Kebanyakan kes tidak dibawa kepada perbicaraan penuh kerana ada bantahan awal berkaitan prosedur. Oleh itu, pindaan menyeluruh perlu dibuat kepada Kaedah-Kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 kerana kaedah ini telah usang dan tidak sesuai lagi digunakan pada zaman sekarang. Petisyen pilihanraya hendaklah mengutamakan merit kes dan bukan hanya bersandar kepada prosedur teknikal sahaja. Begitu juga proses penyerahan petisyen seharusnya dipermudahkan dan cukup proses penyerahan petisyen itu kepada alamat yang disebutkan di dalam borang penamaan calon.

iv) alasan petisyen hanya terhad kepada kesalahan kepada calon atau agen calon sahaja. Bagaimanakah jika kesalahan atau pelanggaran itu dibuat oleh SPR atau pihak-pihak lain.

v) definisi 'election petition' perlu diperluaskan dan tidak terhad kepada penfailan kes terhadap sesuatu constituency sahaja. Jika pelanggaran itu berlaku secara

meluas, election petition juga hendaklah boleh difailkan ke atas pihak SPR.

12. S.35 - peruntukan (c) yang dipotong melalui Akta A1177 hendaklah dimasukkan kembali bagi memastikan keadilan kepada calon yang sepatutnya menang tetapi terpaksa melalui proses pilihan raya kembali, contohnya jika berlaku kesilapan semasa perisytiharan oleh Pegawai Pengurus Pilihanraya, maka kesilapan itu boleh diperbetulkan.

13. S. 36 - perlu dipinda bagi menyelaraskan pindaan dengan s. 35 di atas.

14. S. 36C - perlu dipinda bagi menyelaraskan pindaan dengan s. 35 dan s. 36.

15. s. 38(1)(a) - tempoh penfailan petisyen disebabkan perbuatan rasuah adalah tidak munasabah kerana mungkin tidak tahu tarikh tepat berkaitan

Undang2 Perjalanan Pilihanraya
perbuatan rasuah itu. Oleh itu, pindaan perlu dibuat bagi menyelaraskan
isu ini.

16. S. 40 - Berkaitan tafahus, Seksyen ini perlu dikaji semula
dari segi perlaksanaannya kerana beberapa peruntukan ini adalah tidak
relevan dan tidak munasabah.